

BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD (BMMB) – RULES & REGULATIONS OF CURRENT ACCOUNT (WADI’AH)-i (Eligible for Protection by PIDM)

These Rules & Regulations are intended to be read together with the Product Disclosure Sheet (PDS) for Current Account-i, pamphlets, brochures or any other relevant terms & conditions issued by BMMB (“the Bank”) which may be imposed from time to time according to the specific types of accounts opened by the Customer(s). Any accounts opened and any operations on Current Account-i made shall be subject to and governed by the Rules & Regulations mentioned below:

1. DEFINITIONS

1.1 Definitions

“**Account(s)**” means the Customer(s)’ account or accounts with the Bank and shall include any other new accounts which may be opened from time to time. The following products shall be governed by these Rules & Regulations:

No.	Product Category	Product’s Name
1.	Current Account-i	Al-Wadi’ah Basic Current Account-i
2.	Current Account-i	Al-Wadi’ah Current Account-i

“**BMMB or the Bank**” means Bank Muamalat Malaysia Berhad and includes its branches and its successor-in-title and assigns.

“**BNM**” means Bank Negara Malaysia.

“**Wadi’ah Yad Dhamanah**” means safe keeping with guarantee. It refers to the transaction between the depositor (Customer) and the custodian (Bank) for the safe keeping of the goods or money. The acceptance and continuance of an account may be granted by the Bank subject to the Shariah principles, and upon compliance with the Rules & Regulations under the concept of *Wadi’ah Yad Dhamanah* by the depositor. The Bank in this situation is guaranteeing the safe keeping of the goods or money and will return the same to the depositor accordingly, subject to the Bank’s procedures.

“**MEPS**” means Malaysia Electronic Payment System.

“**Personal Identification Number (PIN)**” means a number code assigned by the Bank or determined by the Customer to enable the Customer to avail to certain services related to the usage of ATM Card.

“**The Customer**” means the account holder(s) such as individuals, partnership, sole-proprietorship, societies, clubs, corporations, associations, and cooperatives and shall include the heirs, administrators, personal representatives and successor-in-title unless specified otherwise in these Rules & Regulations or by the Bank from time to time.

“**Trust Account**” means an account opened and maintained by a depositor such as legal guardian(s) or parents or a business entities acting as trustee for the Customer. Example; Solicitors’ Client Account.

“**Rules & Regulations**” means the terms and conditions set out in this booklet and shall include any amendments, variations and supplements made from time to time by the Bank with prior notice and shall apply to all accounts unless specific account type terms to the contrary apply.

2. ACCOUNT OPENING

2.1 An application to open an account must be made in person or by authorised representative of the firms, societies, companies, clubs, organizations, and statutory bodies using forms provided by the Bank and subject to the Bank’s requirement, such as age requirement, minimum deposit (as listed in the table below), references and supporting documents acceptable to the Bank. The Bank may vary such requirement(s) from time to time.

No.	Product	Minimum Initial Deposit
1.	Al-Wadi'ah Basic Current Account-i	RM500
2.	Al-Wadi'ah Current Account-i	RM1,000

- 2.2 The Bank may refuse any application to open any Account without giving any reason. The opening, operation and closure of the Account(s) shall subject to the Shariah principles.
- 2.3 The Customer shall make a declaration and acceptance that the Customer shall be bound by the following:
- Rules & Regulations of the Account;
 - Regulations or directives by Bank Negara Malaysia; and
 - Laws of Malaysia
- 2.4 The Customer shall give his or her consent to the Bank to deal with the whole or any part of any monies standing to the credit of his/her Account(s) as the Bank shall deem fit.
- 2.5 The Customer authorises the Bank to utilise the said money in any banking business (financing or investment) which does not contradict the Shariah principles and as permissible under the Islamic Financial Services Act 2013 ("IFSA"). Any profit or gain derived from any banking business transacted by the Bank shall be channeled solely to the Bank.
- 2.6 The Bank may grant a gift (*Hibah*) to the Customer at any times, subject to the Shariah principles.
- 2.7 Any sum of deposited money or any sum of monies subsequently deposited into Account with the Bank shall be based on the principle of *Wadi'ah Yad Dhamanah*. The Bank reserves the right to reject any deposits derived from Shariah non-compliant activities.

3. CONDUCT OF ACCOUNT

- 3.1 The Customer or Trustee (where applicable) may withdraw or deposit the money over the Bank's counter, internet banking and any other terminal channel of the automated facilities such as Automated Teller Machine ("ATM"), Cash Deposit Machine ("CDM") or Cheque Deposit Terminal ("CDT") at any time, subject to the Bank's operating hours.
- 3.2 The Bank shall issue a deposit slip to the Customer when depositing cheques or monies. The Customer is responsible to fill in the relevant information onto the deposit slip correctly before depositing cheques or monies. The counterfoil will be either bear computer validation or endorsed by authorised officer of the Bank. The Customer is to ensure that the counter foil bears the above endorsement before leaving the Bank's premises. Counterfoils are only valid as an acknowledgement of the receipt if they bear such endorsement.
- 3.3 If the Customer wishes to withdraw from the Account, he/she has to be present personally at the Bank, together with the passbook (if applicable) and proof of identity. Third party withdrawal is not permitted by the Bank.
- 3.4 The minimum amount for a deposit or a withdrawal through ATM and CDM is Ringgit Malaysia Ten (RM10) while over-the-counter is Ringgit Malaysia One (RM1) and the minimum balance of Ringgit Malaysia Ten (RM10) must remain in the account.
- 3.5 The Customer must ensure sufficient balance is maintained in the Account for any cheque drawn.
- 3.6 Inter branch withdrawals may be made by the Customer personally at the Bank's branches in Malaysia on the presentation of the passbook (if applicable) and proof of identity.
- 3.7 The customer acknowledges that all applications for outward remittances such as RENTAS, MEPS Interbank GIRO, demands drafts, cashier's orders are subject to the Bank's daily cut-off times and all charges will to be debited to the relevant Customer's account.

- 3.8 The Account can be closed upon request by the Customer. The Customer must come to the holding/home branch personally or alternatively, the Bank may also be notified in writing on the presentation of relevant documents proof of identity.
- 3.9 In the event that if the Customer is unable to be present at holding/home branch, a letter of authorisation to be signed by the authorised signatory to close the Account can be posted to holding/home branch.
- 3.10 Subject to the Shariah principles, the Bank reserves the right to immediately close any of the Account that falling under the following situations:
- (a) Upon result search with CTOS, Dishonoured Cheque Information System (“DCHEQS”), and internal negative list is confirmed that the Customer is bankrupt, or blacklisted;
 - (b) Upon discretion of the Bank after giving due notice to the Customer;
 - (c) Upon directive by the approved authorities.
- 3.11 The Customer must keep the ATM Card and cheque book in the Customer's possession under lock and key at all times. The Bank will assume no responsibility nor will it be liable for any loss incurred by the Customer if through the Customer negligence, an unauthorised person obtains the ATM Card or cheque book for any fraudulent withdrawals from the Customer's Account as a result of such loss.
- 3.12 The Customer shall pay a service charge of Ringgit Malaysia Twenty (RM20) or any amount equivalent to the balance his/her Account, whichever is lower if his/her Account is closed within three (3) months from the date of opening.

4. CHEQUE

- 4.1 Local cheque, postal and money order may be received for collection but the proceeds will only be credited upon receiving payment from the payor.
- 4.2 Cheques and negotiable instruments deposited by the Customer and which have been dishonoured may be collected personally by the Customer at branch or posted under registered post to the Customer at the last registered address with the Bank at the Customer's own risk and expense.
- 4.3 The Customer shall use cheque supplied by the Bank at all time.
- 4.4 Application for cheque books should be done on the printed application form found in the cheque book or written request. The Bank may refuse to honour cheques on which signatures differ from the one in the specimen signature column or card provided by the Bank.
- 4.5 The Bank will observe and be responsible for an order countermending payment of cheques only on written confirmation by the Customer, duly signed, delivered and received by the Bank and PROVIDED ALWAYS that such cheques have not been paid.
- 4.6 The Customer should keep all cheque books in safe custody. The Bank is not responsible for any loss and damages if the cheque is fraudulently transacted by an unauthorised person.
- 4.7 Temporary excess may be granted by the Bank only after due arrangement has been made with the Bank and subject to the Shariah principles. Charges in respect to the temporary excess shall be determined by the Bank from time to time.

5. STATEMENT OF ACCOUNT

- 5.1 A statement of account will be sent once a month unless there is no transaction during the month.
- 5.2 The Customer is requested to examine all entries in the statement of account and report at once to the Bank any errors, irregularities, discrepancies, claims or unauthorised debits or items whether made, processed or paid as a result of forgery, fraud, lack of authority, negligence or otherwise by any person whatsoever. In the absence of any objection to the

statement within fourteen (14) days from the date of statement, after its receipt by the Customer, the Account statement shall be deemed as true and accurate.

6. AUTOMATED TELLER MACHINE (ATM)

- 6.1 ATM card will be issued to joint account holders where the signing condition of the Account is either one to sign. No ATM card shall be issued to a Business Entity.
- 6.2 Ringgit Malaysia One and Six Cents (RM1.06) for each MEPS ATM withdrawal will be charged. An annual fee of Ringgit Malaysia Eight and Forty Eight Cents (RM8.48) per annum will be charged for the ATM card and will be debited from the Customer's Account.
- 6.3 The Customer is responsible to activate and change the PIN, via the ATM, that has been assigned by the Bank within twenty four (24) hours upon the issuance of the ATM card. The determined ATM card PIN is strictly confidential and should not be disclosed to any person under any circumstances or written down, failing which any unauthorised usage will be borne by the Customer.

7. DORMANT ACCOUNT

- 7.1 Dormant account is defined as inactive account which has no transactions (no withdrawal and deposit) for the past twelve (12) months excluding those initiated by the Bank.
- 7.2 Once account is considered as a dormant account, the Customer may either opt to reactivate the said account or close the account. Reactivation of account can be done by the Customer (account holder) only by depositing or withdrawing at any Bank's branches.
- 7.3 If there is no reactivation from the Customer(s), the Bank reserves the right to close the account with balance listed below or less, and the balance will be absorbed by the Bank as a service fee:

No.	Product	Balance to be absorb as service fee
1.	Al-Wadi'ah Basic Current Account-i	RM10
2.	Al-Wadi'ah Current Account-i	RM100

- 7.4 For dormant account with balance more than the above balance, the Bank may charge an annual service fee of not more than the above fee until the remaining balances are sent to Unclaimed Monies as per the Unclaimed Money Act 1965.

8. UNCLAIMED MONIES

- 8.1 Under the prevailing Unclaimed Monies Act 1965, any monies standing to the credit of an account that has not been operated in whatever manner by the Depositor(s) for a period of not less than seven (7) years will be classified as "Unclaimed Money". Depositor(s) will be given a notice within twenty one (21) calendar days notice prior to sending the monies to the Registrar of Unclaimed Monies ("the RUM").

9. CHANGE IN PARTICULARS

- 9.1 No change in the Customer's information, address, telephone number etc., howsoever brought about shall be effective or binding on the Bank unless the Customer has given to the Bank a written notice of such changes. The changes shall be affected or prejudiced by any subsequent change in the address over which the Bank has no actual knowledge of at the time the act or thing was done or carried out.

- 9.2 The Customer is requested to notify the Bank not later than three (3) days of any changes of authorised signatures or signatories, change of partners (for partnership account), change of office bearer (for society's account), change of Articles of Association (for company account) change of address or any other pertinent particulars in the Bank's records etc. All communication posted to or left at the Customer's last registered address with the Bank shall be deemed to be duly delivered to the Customer.

10. JOINT ACCOUNT

- 10.1 The Customer authorises the Bank to place all amounts received by the Bank from cheques or any negotiable instruments favouring either or any one of Customer(s) to credit their joint account and to deliver any instruments or cheque(s) the Bank may hold on their joint accounts to either or any one of the Customers.
- 10.2 Cheques on this account will be signed by authorised signatories mentioned under the operations of Account and their authority shall extend to account closure.
- 10.3 The Customer jointly and severally undertake to indemnify and hold the Bank harmless against all losses, claims, demands, proceedings, costs, expenses and other liabilities whatsoever and whenever incurred arising from our authorisation.

11. DECEASED ACCOUNT INDIVIDUAL AND JOINT ACCOUNT FOR MUSLIM/INDIVIDUAL ACCOUNT FOR NON MUSLIM

- 11.1 In the event whereby the Bank is being informed on the death of either/any of the Customer , the said "Account" shall be frozen upon the Bank's awareness of the death of the "Customer" or either any one of the account holders PROVIDED ALWAYS that subject to the Shariah principles, and upon request by the next of kin or beneficiaries with proof of original death certificate, and other documents as required by the Bank to allow for a withdrawal of a certain sum of monies not exceeding Ringgit Malaysia Three Thousand (RM3,000) from the "Account" for the purpose of funeral expenses and other related cost as the Bank deems fit and the Bank shall not at any times be held liable for such withdrawal.
- 11.2 The next of kin must be Eighteen (18) years and above such as spouse, child, siblings and parent.
- 11.3 The balance after withdrawal can be claimed provided the Letter of Administration or Grant of Probate from High Court, or Perintah Pembahagian Harta from the Land Office or Surat Akuan or Surat Perintah from Amanah Raya Berhad ("ARB"), (whichever applicable) is produced to the Bank.
- 11.4 For joint account, any credit balance in the Account, after withdrawal of Ringgit Malaysia Three Thousand (RM3,000) by the next of kin or beneficiaries, may be paid to the survivor(s) subject in compliance (if required) with the Estate Duty Enactment or any other legislation of a similar nature.

12. FREEZING OF ACCOUNT

- 12.1 The Bank reserves the right to freeze the Account at any time by virtue of laws, court orders, regulations or enactment, bankruptcy of the account holder, winding up of company, deceased of account holder, insanity or at the discretion of the Bank.
- 12.2 The Customer shall consult the Bank for the purpose of unfreezing the Account with appropriate evidence to the satisfaction of the Bank that such action has been properly uplifted.

13. SOLICITOR'S CLIENT ACCOUNT

- 13.1 Only partner(s), (in case of a sole-proprietorship, the sole-proprietor) of the firm shall be the authorised signatory i.e. to operate the Account.
- 13.2 The firm shall forward to the Bank on annually basis, the firm's current professional indemnity insurance and practising certificate.
- 13.3 The Bank reserves the right to close the firm and/or client account (Trust Account) upon directive from the Bar Council pursuant to its regulations and/or Court Order.

14. LAW

- 14.1 These Rules & Regulations shall be subject to, governed by and construed in accordance with the Laws of Malaysia and the rules, regulations and guidelines of BNM and other relevant bodies, enforced from time to time.

15. FEES AND CHARGES

- 15.1 Charges will be imposed according to the Bank's Internal Charges. The Bank shall comply with all relevant rules and decisions by BNM.
- 15.2 The Customer hereby agrees that the Bank has a right to vary the change in fees and charges applicable to the Account by giving twenty one (21) days notice or communication of the said variation, and any such notice or communication of any variations may be delivered personally, or by registered/ordinary post to the other party at the last known address by the Bank, or by it being displayed at the Bank's premises or newspaper, or e-mail, or web page, or short messaging service, or by any other method which the Bank deems fit. All communication posted to or left at the Customer's last registered address with the Bank shall be deemed to be duly delivered to Customer.

16. GOODS & SERVICES TAX (GST)

- 16.1 The Customer authorises the Bank to exercise discretion to impose a certain amount over and above the transaction price for the purpose of GST, if applicable.

17. WITHHOLDING TAX

- 17.1 The Customer authorises the Bank to exercise its discretion to deduct a certain amount from the net income of the fund as a reserve in order to maintain a consistent level of distributable profit. Withholding tax, if applicable shall be deducted from the dividend (profit) payable, at the rate determined from time to time.

18. RIGHT TO SET-OFF

- 18.1 The Customer agrees that in addition to any general lien or other similar right which the Bank as bankers may be entitled at law, the Bank may at any time, by giving seven (7) calendar days notice, combine or consolidate any or all of the banking accounts of whatsoever nature, at any branch of the Bank with any liabilities to the Bank and set-off or transfer any sum or sums standing in the credit of any or all of the banking accounts in or towards satisfaction of any of the Customer liabilities, whether such liabilities be present, future, actual or contingent, standing to the credit of any of the Customer's banking accounts shall to extent necessary to cover such liabilities or any other monies owing to the Bank.
- 18.2 In the event that the Customer is failed to notify or return any amount which has been wrongly credited to the Customer's Account through any means or correctly credited but subsequently defaulted by the remitting or paying party, the Bank shall be entitled at any time and without notice, to debit from the Customer's Account any sum wrongly credited into the Account.

19. PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM)

- 19.1 Subject to latest version of Guidelines issued by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) and includes any statutory amendment or re-enactment thereof, any capital will be insured up to a maximum of Ringgit Malaysia Two Hundred Fifty Thousand (RM250,000) only inclusive of the initial capital and any dividend (profit) there from.
- 19.2 For the opening of trust account (Solicitor's Client Account), the trustee must submit to the Bank the following information:
- A statement that the deposit in the trust account is held in trust by the trustee;
 - The trust account number;
 - The trustee's name, address and identity card number or passport number or any other identification acceptable to the deposit-taking member;
 - The name and address of each beneficiary or the alphanumeric code or any other code or identifier for such beneficiary; and
 - The amount or percentage of each beneficiary's interest in the trust account.
- 19.3 For the purpose of these Regulations, a trustee who fails to comply with the requirements under item 18.2 but who subsequently submits the required information to the Bank shall be deemed to be opening a new trust account under item 18.2 as at the date of submission of the information.

20. FORCE MAJEURE

- 20.1 Notwithstanding any other provisions herein, in the event the Bank is unable to perform any operations or to provide any services due to any reason beyond the Bank's control, including but not limited to fire, earthquake, flood, epidemic, natural catastrophe, accident, riots, civil disturbances, industrial dispute, act of public enemy, embargo, war, act of God or any factor in a nature of a force majeure or any failure or disruption to telecommunication, electricity, water, fuel supply, the Bank shall not in any way be liable for any inconvenience, loss, injury, damages suffered or incurred by the Customer arising from the same.

21. MISCELLANEOUS

- 21.1 The Customer shall indemnify the Bank, as collecting banker, for any loss which the Bank may incur by reason of its guaranteeing any endorsement, discharge, on any cheque, bill, note, draft, dividend warrant or other instruments presented by the Customer for collection and every such guarantee given by the Bank shall be deemed given at the Customer request in every case.
- 21.2 Subject to the Shari'ah principles, the Bank reserves the right to add, modify or delete any of the Rules & Regulations and any such notice or communication of any additions, modifications or deletions may be delivered personally, or by registered or ordinary mail to the other party at the last known address by the Bank, or by it being displayed at the Bank's premises, or by any notice or communication shall be deemed to be proof or receipt and binding on the Customer: (a) If personally delivered, at the time of delivery; or (b) If posted by registered or ordinary mail, on the fourteen (14) business days after mailing; or (c) If displayed at the Bank's premises, on the effective date as stated in the notice.
- 21.3 In the event of any inconsistency between these Rules & Regulations with any brochures, marketing and promotional materials relating to the campaign or its promotion, these Rules & Regulations shall prevail.
- 21.4 The Bank reserves the right to change any or all the above Rules & Regulations whenever deemed necessary by informing the Customers within Twenty One (21) calendar days notice prior to the effective date of the new Rules & Regulations.

BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD (BMMB) – SYARAT & PERATURAN AKAUN SEMASA (WADI'AH)-i (*Layak dilindungi oleh PIDM*)

Syarat & Peraturan ini hendaklah dibaca dengan Risalah Pendedahan Produk (RPP) untuk Akaun Semasa-i, brosur, dan risalah yang dikeluarkan oleh pihak BMMB ("Bank") mengikut jenis tertentu akaun-akaun yang dibuka oleh Pelanggan. Mana-mana akaun yang dibuka dan setiap operasi yang dibuat ke atas Akaun Semasa-i ini adalah tertakluk sepenuhnya oleh Syarat & Peraturan yang dinyatakan di bawah:

1. DEFINISI

1.1 Definisi

"**Akaun**" adalah bermaksud akaun Pelanggan atau akaun bersama BMMB dan hendaklah termasuk mana-mana akaun baru yang akan dibuka dari semasa ke semasa. Produk di bawah adalah tertakluk kepada Syarat & Peraturan ini:

No.	Kategori Produk	Nama Produk
1.	Akaun Semasa-i	Akaun Semasa Al-Wadi'ah Asas-i
2.	Akaun Semasa-i	Akaun Semasa Al-Wadi'ah-i

"**BMMB atau Bank**" bermaksud Bank Muamalat Malaysia Berhad termasuk cawangan-cawangan serta penerima serah hak.

"**BNM**" bermaksud Bank Negara Malaysia.

"**Wadi'ah Yad Dhamanah**" bermaksud simpanan dengan jaminan. Ia merujuk kepada transaksi antara pendeposit (Pelanggan) dan penjaga (Bank) bagi simpanan barang-barang atau wang. Penerimaan dan penerusan akaun akan sepenuhnya mengikut budi bicara Bank dan tertakluk kepada pendeposit mematuhi Syarat & Peraturan di bawah konsep *Wadi'ah Yad Dhamanah*. Pihak Bank menjamin simpanan barang-barang atau wang dan akan mengembalikan kepada pendeposit dengan sewajarnya dalam situasi ini, tertakluk kepada prosedur Bank.

"**MEPS**" bermaksud Sistem Pembayaran Elektronik Malaysia.

"**Nombor Pengenal Peribadi (PIN)**" bermaksud kod nombor yang ditetapkan oleh Bank atau ditentukan oleh Pelanggan bagi membolehkan Pelanggan memperolehi sesetengah perkhidmatan yang berkaitan dengan penggunaan Kad ATM.

“**Pelanggan**” bermaksud pendeposit termasuk pemegang akaun seperti individu, perkongsian, pemilikan tunggal, persatuan, kelab, syarikat, organisasi dan koperasi dan hendaklah termasuk waris, pentadbir, wakil diri dan pengganti hak milik melainkan dinyatakan sebaliknya di dalam Syarat & Peraturan ini atau oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.

“**Akaun Amanah**” bermaksud akaun yang dibuka dan diselenggarakan oleh pendeposit seperti penjaga yang sah atau ibubapa atau entiti perniagaan yang bertindak sebagai pemegang amanah bagi Pelanggan. Contoh, Akaun Pelanggan Guaman.

“**Syarat & Peraturan**” bermaksud terma dan syarat yang ditetapkan di sini dan termasuk mana-mana pindaan, perubahan dan tambahan yang dibuat dari masa ke semasa oleh pihak Bank beserta notis hendaklah terpakai kepada semua jenis akaun melainkan jika dinyatakan terma jenis akaun yang sebaliknya diguna pakai.

2. **PEMBUKAAN AKAUN**

- 2.1 Permohonan untuk membuka Akaun hendaklah dibuat oleh individu itu sendiri atau wakil yang diberi kuasa oleh firma, persatuan, syarikat, kelab, organisasi dan badan-badan berkanun menggunakan borang yang disediakan oleh pihak Bank dan tertakluk kepada syarat Bank, seperti umur, deposit minimum (seperti jadual di bawah), rujukan serta dokumen-dokumen sokongan yang diterima pakai oleh pihak Bank. Bank berhak membuat pindaan syarat-syarat tersebut dari masa ke semasa.

No.	Produk	Deposit Permulaan Minimum
1.	Akaun Semasa Al-Wadi'ah Asas-i	RM500
2.	Akaun Semasa Al-Wadi'ah-i	RM1,000

- 2.2 Pihak Bank mengikut budi bicaranya berhak menolak mana-mana permohonan untuk membuka Akaun tanpa perlu mengemukakan sebarang alasan. Proses pembukaan, pengendalian dan penutupan Akaun adalah tertakluk sepenuhnya kepada budi bicara pihak Bank.
- 2.3 Pelanggan hendaklah membuat pengisytiharan dan penerimaan bahawa Pelanggan akan terikat dengan:
- Syarat & Peraturan Akaun;
 - Peraturan atau arahan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia; dan
 - Undang-undang Malaysia
- 2.4 Pelanggan hendaklah memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk berurusan serta menggunakan keseluruhan atau mana-mana bahagian kredit pelanggan mengikut budi bicara pihak Bank yang sewajarnya.
- 2.5 Pelanggan memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk menggunakan wang simpanan tersebut di dalam mana-mana aktiviti-aktiviti perbankan (pembiayaan atau pelaburan) yang tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip Syariah dan yang dibenarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (“APKI”). Sebarang keuntungan atau pendapatan yang diperolehi daripada aktiviti-aktiviti perbankan yang dijalankan oleh pihak Bank akan disalurkan sepenuhnya kepada Bank.
- 2.6 Pihak Bank mengikut budi bicara mutlaknyanya boleh memberikan hadiah (*Hibah*) kepada pihak Pelanggan pada bila-bila masa.
- 2.7 Sebarang jumlah wang yang didepositkan atau apa-apa jumlah wang yang didepositkan seterusnya ke dalam Akaun dengan Bank hendaklah berdasarkan prinsip *Wadi'ah Yad Dhamanah*. Pihak Bank adalah berhak untuk menolak mana-mana deposit yang diperolehi daripada aktiviti-aktiviti bukan-Syariah.

3. **PENGENDALIAN AKAUN**

- 3.1 Pelanggan atau Pemegang Amanah (yang mana berkenaan) boleh mengeluarkan atau mendeposit wang di kaunter Bank, perbankan internet dan mana-mana saluran terminal kemudahan automatik seperti Mesin Teler Automatik (“ATM”),

Mesin Deposit Tunai (“CDM”) dan Terminal Deposit Cek (“CDT”) pada bila-bila masa, tertakluk kepada waktu operasi Bank.

- 3.2 Pihak Bank akan mengeluarkan slip deposit kepada Pelanggan apabila memasukkan wang tunai atau cek. Pelanggan hendaklah memastikan segala butir-butir yang dikehendaki diisi dengan betul sebelum memasukkan cek atau wang tunai. Bukti urusan pada salinan pendua sama ada dengan pengesahan komputer atau disahkan oleh pegawai Bank yang bertugas. Pelanggan hendaklah memastikan bahawa salinan pendua tersebut mempunyai pengesahan sebelum meninggalkan premis Bank. Salinan pendua hanya sah sebagai penerimaan resit sekiranya mempunyai pengesahan seperti yang dinyatakan.
- 3.3 Sekiranya Pelanggan ingin membuat pengeluaran daripada Akaun tersebut, Pelanggan hendaklah menghadirkan diri ke Bank dengan mengemukakan buku simpanan (jika berkenaan) atau bukti pengenalan diri. Pengeluaran oleh pihak ketiga adalah tidak dibenarkan.
- 3.4 Jumlah minimum untuk deposit atau pengeluaran melalui ATM dan CDM adalah Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) manakala urusan melalui kaunter adalah Ringgit Malaysia Satu (RM1) dan baki minimum yang perlu dikekalkan di dalam akaun adalah sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10).
- 3.5 Pelanggan hendaklah memastikan baki yang secukupnya dikekalkan di dalam Akaun bagi cek yang dikeluarkan.
- 3.6 Pengeluaran antara cawangan boleh dibuat oleh pihak Pelanggan sendiri di cawangan Bank seluruh Malaysia dengan mengemukakan buku simpanan (jika berkenaan) dan bukti pengenalan diri.
- 3.7 Pelanggan mengakui bahawa kesemua permohonan untuk penghantaran wang ke luar seperti RENTAS, MEPS Interbank GIRO, deraf permintaan, perintah juruwang (cashier's order) adalah tertakluk kepada waktu batas harian Bank dan kesemua caj akan didebitkan ke akaun Pelanggan yang berkenaan.
- 3.8 Akaun boleh ditutup atas permintaan Pelanggan. Pelanggan hendaklah menghadirkan diri ke cawangan pegangan/utama atau secara alternatif, menghubungi pihak Bank dengan secara bertulis dengan menyertakan dokumen-dokumen pengenalan diri yang berkenaan sebagai bukti.
- 3.9 Sekiranya Pelanggan tidak dapat menghadirkan diri ke cawangan pegangan/utama, pihak Pelanggan boleh menghantar Surat Kebenaran Penutupan Akaun yang telah ditandatangani oleh penandatanganan sah yang berdaftar ke cawangan pegangan/utama melalui pos.
- 3.10 Pihak Bank mempunyai hak untuk menutup mana-mana Akaun serta-merta yang termasuk di bawah keadaan seperti berikut:
 - (a) Atas hasil carian dengan CTOS, Sistem Maklumat Cek Tak Laku (“SMCTL”) dan senarai negatif dalaman mengesahkan bahawa Pelanggan telah mullis atau disenarai hitamkan.
 - (b) Atas budi bicara pihak Bank selepas memberi notis yang sewajarnya kepada Pelanggan.
 - (c) Atas arahan oleh pihak berkuasa yang diluluskan.
- 3.11 Pelanggan mestilah menyimpan sendiri Kad ATM dan buku cek dengan cermat dan selamat oleh kerana pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang dialami oleh Pelanggan, jika tersabit dengan kecuaiian Pelanggan, orang yang tidak diberi kuasa memperolehi Kad ATM atau buku cek bagi penipuan pengeluaran daripada Akaun Pelanggan akibat kehilangan tersebut.
- 3.12 Pelanggan dikehendaki membayar caj perkhidmatan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh (RM20) ataupun bersamaan dengan jumlah baki di dalam Akaun, yang mana lebih rendah sekiranya Akaun tersebut ditutup dalam tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh pembukaan.

4. CEK

- 4.1 Cek tempatan, pos dan kiriman wang boleh diterima untuk kutipan tetapi duit tersebut hanya akan dikreditkan apabila pihak Bank menerima bayaran daripada pihak pembayar.
- 4.2 Cek dan surat cara boleh niaga yang didepositkan oleh Pelanggan yang didapati tidak laku boleh diambil sendiri oleh Pelanggan di cawangan atau diposkan melalui pos berdaftar kepada Pelanggan ke alamat terakhir Pelanggan dengan pihak Bank dan segala kos dan risiko ditanggung oleh pihak Pelanggan sepenuhnya.
- 4.3 Pelanggan hanya dibenarkan untuk menggunakan cek yang disediakan oleh pihak Bank pada setiap masa.
- 4.4 Permohonan buku cek perlu dibuat dengan mengisi borang permohonan bercetak yang dilampirkan bersama di dalam buku cek atau melalui permohonan secara bertulis. Pihak Bank adalah berhak untuk menolak cek yang mempunyai tandatangan yang berbeza daripada tandatangan yang terdapat pada ruangan spesimen atau kad tandatangan contoh yang diberikan oleh pihak Bank.
- 4.5 Pihak Bank akan memantau dan bertanggungjawab untuk mendapatkan perintah pembatalan pembayaran cek hanya dengan pegesahan bertulis oleh pihak Pelanggan, ditandatangani, dihantar dan diterima oleh pihak Bank dan DENGAN SYARAT cek tersebut masih belum dibayar.
- 4.6 Pelanggan hendaklah menyimpan kesemua buku cek di tempat yang selamat. Pihak Bank tidak bertanggungjawab bagi mana-mana kerugian dan kerosakan sekiranya cek tersebut diniagakan secara fraud oleh pihak yang tidak dibenarkan.
- 4.7 Lebihan sementara boleh diberikan hanya selepas persetujuan sewajarnya dibuat dengan pihak Bank dan tertakluk kepada budi bicara pihak Bank. Caj berkenaan dengan lebihan sementara akan ditentukan oleh pihak Bank dari masa ke semasa.

5. PENYATA AKAUN

- 5.1 Penyata Akaun akan dihantar setiap bulan sekiranya terdapat transaksi pada bulan tersebut.
- 5.2 Pelanggan dikehendaki memeriksa setiap butiran di dalam penyata yang dihantar kepada Pelanggan dan melaporkan dengan segera kepada pihak Bank sekiranya terdapat kesalahan, ketidakteraturan, perselisihan, tuntutan atau pun pengeluaran yang tidak dibenarkan atau mana-mana butiran yang dibuat, diproses atau dibayar hasil daripada pemalsuan, penipuan, kurang kuasa, kecuaiian atau pengeluaran daripada pihak ketiga. Sekiranya tiada bantahan diterima oleh pihak Bank dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh penyata dikeluarkan, penyata Akaun tersebut dianggap betul dan tepat.

6. MESIN TELER AUTOMATIK (“ATM”)

- 6.1 Kad ATM akan dikeluarkan untuk pemegang akaun bersama di mana penandatanganan adalah salah seorang daripada pemegang Akaun. Kad ATM tidak akan dikeluarkan untuk entiti perniagaan.
- 6.2 Ringgit Malaysia Satu dan Enam Sen (RM1.06) bagi setiap pengeluaran ATM MEPS akan dikenakan. Yuran tahunan sebanyak Ringgit Malaysia Lapan dan Empat Puluh Lapan Sen (RM8.48) setahun akan dikenakan untuk kad ATM dan akan didebitkan daripada Akaun Pelanggan.
- 6.3 Pelanggan adalah bertanggungjawab untuk mengaktifkan dan menukar PIN, melalui ATM, yang telah ditetapkan oleh pihak Bank dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas pengeluaran kad ATM. PIN ATM yang telah ditentukan adalah sulit dan tidak boleh didedahkan kepada mana-mana pihak di dalam apa jua keadaan sekalipun atau dituliskan, jika gagal berbuat demikian sebarang penggunaan tanpa kebenaran akan ditanggung oleh Pelanggan.

7. AKAUN DORMAN

- 7.1 Akaun dorman ditakrifkan sebagai akaun tidak aktif yang tidak mempunyai sebarang transaksi (pengeluaran dan deposit) selama dua belas (12) bulan tidak termasuk yang dimulakan oleh pihak Bank.

- 7.2 Apabila akaun dianggap sebagai dorman, Pelanggan boleh memilih untuk mengaktifkan semula akaun atau menutup akaun tersebut. Pengaktifan semula akaun boleh dilakukan oleh Pelanggan sahaja (pemegang akaun) dengan mendeposit atau pengeluaran di mana-mana cawangan Bank.
- 7.3 Jika tiada pengaktifan daripada pihak Pelanggan, pihak Bank berhak untuk menutup Akaun tersebut dengan baki yang dinyatakan di bawah dan baki tersebut akan diserap oleh pihak Bank sebagai yuran perkhidmatan:

No.	Produk	Baki Diserap Sebagai Yuran Servis
1.	Akaun Semasa Al-Wadi'ah Asas-i	RM10
2.	Akaun Semasa Al-Wadi'ah-i	RM100

- 7.4 Bagi akaun dorman dengan baki yang melebihi jadual di atas, pihak Bank akan mengenakan caj servis tahunan sehingga baki selebihnya dihantar ke Wang Tak Dituntut mengikut Akta Wang Tak Dituntut 1965.

8. WANG TAK DITUNTUT

- 8.1 Di bawah Akta Wang Tak Dituntut 1965, mana-mana wang yang ada di dalam kredit sesuatu akaun yang tidak beroperasi dengan apa cara sekalipun oleh pihak Pelanggan bagi tempoh tidak kurang daripada tujuh (7) tahun akan diklasifikasikan sebagai "Wang Tak Dituntut". Pelanggan akan diberi notis dalam masa dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu sebelum wang tersebut dihantar kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut ("RUM").

9. PERUBAHAN BUTIR-BUTIR

- 9.1 Tiada sebarang perubahan dalam maklumat Pelanggan, alamat, nombor telefon lain-lain, walau apa jua yang akan dianggap efektif atau terikat melainkan Pelanggan telah memberikan notis bertulis kepada pihak Bank berkenaan perubahan tersebut. Perubahan tersebut akan terjejas atau menjejaskan mana-mana perubahan selepasnya bagi alamat di mana, pihak Bank tidak mengetahui pada masa tersebut bahawa perubahan tersebut telah dilakukan atau dijalankan.
- 9.2 Pelanggan dikehendaki memberitahu pihak Bank secara bertulis tidak lewat daripada tiga (3) hari sekiranya terdapat perubahan pada tandatangan dan penandatanganan, penukaran rakan kongsi (untuk akaun perkongsian), penukaran pemegang amanah (untuk akaun persatuan), penukaran Undang-Undang Tubuh Syarikat (untuk akaun syarikat), penukaran alamat ataupun sebarang maklumat penting yang direkodkan oleh pihak Bank. Semua komunikasi yang diposkan kepada atau diletakkan di tempat alamat terakhir Pelanggan yang didaftarkan dengan pihak Bank adalah dikira sebagai telah dihantar kepada Pelanggan.

10. AKAUN BERSAMA

- 10.1 Pelanggan membenarkan pihak Bank untuk memasukkan semua jumlah yang diterima oleh pihak Bank melalui cek atau surat cara boleh niaga kepada sama ada atau pun kepada salah seorang daripada pemegang akaun bersama untuk dimasukkan ke dalam akaun bersama dan untuk menyerahkan sebarang surat cara boleh niaga atau cek yang mungkin disimpan oleh pihak Bank kepada salah seorang daripada pemegang akaun bersama.
- 10.2 Cek untuk Akaun ini akan ditandatangani oleh penandatanganan yang diberi kuasa di dalam syarat operasi Akaun dan kuasa mereka juga meliputi kepada penutupan Akaun ini.
- 10.3 Pelanggan secara bersama dan berasingan menjamin pihak Bank daripada sebarang kerugian, kerosakan, tuntutan, percabaran, kos, perbelanjaan dan apa jua liabiliti ketika mana dan di mana akibat daripada pemberikuasaan kami.

11. AKAUN SI MATI AKAUN INDIVIDU DAN AKAUN BERSAMA UNTUK MUSLIM DAN BUKAN MUSLIM/AKAUN BERSAMA UNTUK BUKAN MUSLIM

- 11.1 Jika salah seorang dari Pelanggan akaun meninggal dunia, akaun tersebut akan dibekukan sebaik sahaja pihak Bank diberitahu akan kematian Pelanggan atau salah seorang pemegang akaun. DENGAN SYARAT pihak Bank boleh atas budi bicara mutlaknyanya dan atas permintaan keluarga terdekat atau waris yang mengemukakan bukti melalui sijil kematian asal, dan dokumen-dokumen lain yang diperlukan oleh pihak Bank, membenarkan pengeluaran sejumlah amaun tidak melebihi Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000) daripada "Akaun" untuk tujuan perbelanjaan pengebumian dan kos yang berkaitan yang dinilai sebagai perlu oleh pihak Bank dan pihak Bank tidak akan pada bila-bila masa dipertanggungjawabkan terhadap pengeluaran tersebut.
- 11.2 Keluarga terdekat mestilah berumur lapan belas (18) tahun ke atas seperti pasangan, anak, abang atau kakak dan ibu bapa.
- 11.3 Baki selepas pengeluaran boleh dituntut dengan cara mengemukakan Surat Pentadbiran atau 'Grant of Probat' daripada Mahkamah Tinggi atau Perintah Pembahagian Harta daripada Pejabat Tanah atau Surat Arahan atau Surat Perintah daripada Amanah Raya Berhad ("ARB"), (jika berkenaan) kepada pihak Bank.
- 11.4 Bagi akaun bersama, mana-mana baki kredit di dalam Akaun, selepas pengeluaran oleh keluarga terdekat atau waris sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000) hendaklah dibayar kepada pemegang akaun yang masih hidup tertakluk kepada Enakmen Harta Pusaka atau apa-apa bentuk perundangan lain yang serupa.

12. PEMBEKUAN AKAUN

- 12.1 Pihak Bank berhak untuk membekukan Akaun Pelanggan pada bila-bila masa menurut undang-undang, perintah mahkamah, peraturan atau enakmen, kebangkrutan pemegang akaun, penggulangan syarikat, kematian pemegang akaun, gila atau atas budi bicara pihak Bank.
- 12.2 Pelanggan hendaklah berunding dengan pihak Bank bagi tujuan tidak membekukan Akaun bersama bukti yang sesuai dengan memuaskan hati pihak Bank bahawa tindakan itu telah dikeluarkan.

13. AKAUN PELANGGAN GUAMAN

- 13.1 Hanya rakan kongsi (bagi kes pemilikan tunggal, pemilik tunggal) sesebuah firma akan menjadi penandatangani yang dibenarkan untuk operasi Akaun.
- 13.2 Firma hendaklah mengemukakan perakuan amalan pada setiap tahun dan insurans indemniti profesional semasa firma kepada pihak Bank.
- 13.3 Pihak Bank adalah berhak untuk menutup firma dan/atau akaun pelanggan (Akaun Amanah) dengan arahan daripada Majlis Peguam menurut peraturan dan/atau Perintah Mahkamah.

14. UNDANG-UNDANG

- 14.1 Syarat & Peraturan ini adalah tertakluk, dikawal serta ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia, peraturan dan garis panduan BNM dan peraturan badan-badan yang berkaitan yang berkuatkuasa dari masa ke semasa.

15. YURAN DAN CAJ

- 15.1 Caj akan dikenakan berdasarkan caj semasa pihak Bank. Pihak Bank hendaklah mematuhi segala peraturan dan keputusan yang dikeluarkan oleh BNM.
- 15.2 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa pihak Bank mempunyai hak untuk mengubah yuran dan caj berkaitan dengan Akaun ini dengan memberi notis dua puluh satu hari (21) atau komunikasi mengenai perubahan tersebut dan apa-apa

notis atau komunikasi berkenaan perubahan tersebut boleh dihantar secara persendirian atau melalui pos berdaftar/biasa ke pihak Pelanggan di alamat terkini yang direkodkan oleh pihak Bank atau dengan mempamerkan di premis Bank atau akhbar atau email atau laman sesawang atau perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) atau apa cara yang bersesuaian yang dinilai oleh pihak Bank. Semua komunikasi yang diposkan kepada atau dihantarkan di alamat terakhir Pelanggan yang didaftarkan dengan pihak Bank adalah dikira sebagai telah dihantar kepada Pelanggan.

16. CUKAI BARANGAN & PERKHIDMATAN (CBP)

- 16.1 Pelanggan memberi kuasa kepada pihak Bank atas budi bicara pihak Bank untuk mengenakan sejumlah amaun melebihi harga transaksi bagi tujuan CBP, jika berkenaan.

17. CUKAI PEGANGAN

- 17.1 Pelanggan memberi kuasa kepada pihak Bank atas budi bicara pihak Bank untuk menolak jumlah tertentu daripada pendapatan bersih sebagai simpanan untuk mengekalkan tahap konsisten dalam pengagihan keuntungan. Cukai pegangan, jika ada, akan ditolak dan keuntungan berbayar, pada kadar yang ditentukan dari semasa ke semasa.

18. HAK UNTUK MENOLAK-SELESAIKAN

- 18.1 Pelanggan bersetuju bahawa sebagai tambahan kepada lien umum atau hak-hak Bank yang diperakui oleh undang-undang, pihak Bank boleh pada bila-bila masa, dengan memberi notis tujuh (7) hari kalendar, menggabungkan atau menyatukan mana-mana atau semua akaun perbankan Pelanggan walau apa jua sifatnya, di mana-mana cawangan Bank berserta liabiliti kepada pihak Bank dan menolak-selesaikan atau memindahkan sebarang jumlah wang yang berada pada kredit dalam mana-mana atau kesemua akaun perbankan dalam atau terhadap penyelesaian mana-mana liabiliti Pelanggan, sama ada liabiliti tersebut adalah pada masa kini, masa hadapan, sebenar atau kontingen, yang berada pada kredit dalam mana-mana akaun perbankan Pelanggan hendaklah setakat mana yang diperlukan untuk melindungi liabiliti tersebut atau sebarang jumlah wang yang terhutang kepada pihak Bank.
- 18.2 Sekiranya Pelanggan gagal untuk memberitahu atau memulangkan sebarang amaun yang telah salah dikreditkan ke Akaun Pelanggan melalui apa-apa cara sekalipun atau telah dikreditkan dengan betul tetapi kemudiannya gagal disebabkan oleh pengiriman atau pihak pembayar, pihak Bank berhak pada bila-bila masa dan tanpa notis, untuk mendebitkan daripada Akaun Pelanggan sebarang jumlah yang telah salah dikreditkan ke dalam Akaun tersebut.

19. PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM)

- 19.1 Tertakluk kepada versi terkini Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") termasuk mana-mana pindaan semula kanun atau enakmen, apa-apa jumlah akan diinsurankan sehingga tahap maksimum iaitu Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Ribu (RM250,000-00) sahaja termasuk jumlah deposit permulaan dan dividen (keuntungan).
- 19.2 Untuk akaun amanah untuk pembukaan akaun tersebut, pemegang amanah hendaklah menyerahkan maklumat-maklumat berikut kepada pihak Bank:
- Satu pernyataan bahawa deposit di dalam akaun amanah tersebut dipegang sebagai amanah oleh pemegang amanah;
 - Nombor akaun amanah;
 - Nama, alamat dan nombor kad pengenalan atau nombor pasport atau apa-apa pengenalan diri pemegang amanah yang diterima oleh penerima deposit;
 - Nama dan alamat setiap waris atau kod abjad-angka atau apa-apa kod atau pengenalan diri waris; dan
 - Amaun atau peratusan kepentingan setiap waris dalam akaun amanah

- 19.3 Bagi tujuan Peraturan ini, seorang pemegang amanah yang tidak mematuhi perkara 18.2 di atas akan tetapi mengemukakan maklumat yang diperlukan kepada Bank selepasnya hendaklah disifatkan sebagai membuka akaun amanah yang baru di bawah perkara 18.2 pada tarikh penyerahan maklumat tersebut.

20. **FORCE MAJEURE**

- 20.1 Walau apa pun peruntukan selain yang tertera di sini, sekiranya pihak Bank tidak dapat untuk melaksanakan apa-apa operasi atau menyediakan apa-apa perkhidmatan disebabkan oleh mana-mana alasan yang di luar kawalan pihak Bank ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada kebakaran, gempa bumi, banjir, wabak, bencana alam semulajadi, kemalangan, rusuhan, gangguan awam, pertikaian industri, perbuatan musuh awam, embargo, peperangan, bencana alam atau apa-apa faktor bersifat *force majeure* atau sebarang kegagalan atau gangguan telekomunikasi, elektrik, air, bekalan bahan api, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara ke atas sebarang kesulitan, kehilangan, kecederaan, kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang timbul daripada sebab yang sama.

21. **LAIN-LAIN PERUNTUKAN**

- 21.1 Pelanggan akan menanggung kerugian pihak Bank, sebagai Bank pengutip, untuk apa-apa kerugian yang mungkin ditanggung oleh pihak Bank disebabkan oleh jaminan terhadap apa-apa pengesahan, pelepasan, mana-mana cek, bil, nota, deraf, dividen, waran, dan lain-lain surat cara yang dikemukakan oleh Pelanggan bagi pengutipan dan setiap jaminan yang diberi oleh pihak Bank hendaklah disifatkan telah diberi di atas permintaan Pelanggan dalam setiap kes.
- 21.2 Tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah, pihak Bank berhak untuk menambah, mengubahsuaikan atau membuang mana-mana Syarat & Peraturan dan mana-mana notis berkenaan dengan penambahan, pengubahsuaian atau pembuangan tersebut boleh dihantar sendiri, atau pos berdaftar/biasa ke alamat terakhir yang diketahui pihak Bank, atau dipamerkan notis di mana-mana premis Bank, atau melalui apa-apa kaedah yang difikirkan munasabah oleh pihak Bank. Bukti pengeposan atau penyerahan atau penampalan notis akan dianggap sebagai bukti penerimaan dan akan mengikat Pelanggan: (a) Sekiranya dihantar sendiri, pada masa penghantaran; atau (b) Sekiranya secara pos berdaftar atau biasa, pada empat belas (14) hari bekerja setelah dipos; atau (c) Sekiranya dipamerkan di premis Bank, pada tarikh kuatkuasa seperti yang dinyatakan pada notis tersebut.
- 21.3 Sekiranya terdapat apa-apa perselisihan di antara Syarat & Peraturan ini dengan mana-mana brosur, material pemasaran atau promosi berkaitan dengan kempen atau promosinya, Syarat & Peraturan ini akan diguna pakai.
- 21.4 Pihak Bank berhak untuk mengubah mana-mana atau semua Syarat & Peraturan di atas apabila difikirkan perlu dengan memaklumkan kepada Pelanggan dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar dari tarikh berkuatkuasa Syarat & Peraturan baru.